
Title	Ikrar dan waad
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © Muhammad Ariff bin Ahmad

19. IKRAR dan WAAD⁹

biar gaduh dulu

... jangan gaduh kemudian

kerbau dipegang ekornya...

Kata pepatah: *kerbau dipegang ekornya; manusia dipegang lidahnya.*

Demikianlah. Setelah diperolehi persetujuan untuk menjodohkan jejaka dengan perawan mereka maka dilakarlah perjanjian antara dua pihak itu untuk diikrar dan disahkan pada hari perasmian pertunangan kelak.

Yang biasa menjadi isi perjanjian itu ialah:

- lama (tempoh) bertunang;
- mahar (maskahwin);
- duit sirih/jajan¹⁰ bulanan;
- pakaian hari raya;
- wang hantaran (belanja hangus);
- helah lelaki luncur, helah perempuan ganda;
- tarikh memancang (merasmikan pertunangan);
- tambahan (jika ada) misalnya: langkah bendul, kundangan (timbang-timbangan nenek atau ibu), nazar atau sebagainya.

Tidak ada perjanjian bertulis dibuat mereka.

Perjanjian ikrar oleh OMD memang dibuat semata-mata berasaskan *setia percaya* antara mereka dan berpegang kepada pepatah petiti: *kerbau dipegang ekornya; manusia dipegang lidahnya* tadi; yakni perkataannya atau janjinya, bak kata mamang:

*hutang berturut cagar bergadai;
kata diperkota, janji ditepati...*

lama bertunang...

Banyak OMD yang percayakan tahyul, kononnya: *"orang yang sedang bertunang itu manis darahnya; setan dan iblis sukakan darahnya, maka itu mereka sentiasa dalam ancaman dan cabaran"*. Ada pula OMD yang percaya kononnya: darah orang yang sedang bertunang itu hanyir menjadikan ia terdedah kepada pelbagai macam ancaman malapetaka dan kemalangan.

⁹ waad ialah *janji; persetiaan*.

¹⁰ Jajan ialah *kudapan*; duit jajan ialah duit pembeli kudapan.

Maka itu, menurut mereka, sebaik-baiknya: *jangan bertunang lama-lama* – banyak godanya! Yang biasanya mahukan tempoh bertunang itu agak panjang ialah pihak tempat semenda untuk memberi kesempatan mereka “*mengumpul*”, jangan sampai: pengantin sudah beranak tiga, hutang kahwin masih menjadi beban juga...

Saya teringat pesanan almarhum budayawan Mahmud Ahmad:
kalau bertemu dengan tunang, jangan biasakan berdua-duaan (empat mata) sahaja, kerana dalam keadaan begitu mereka akan didatangi “orang ketiga” (iaitu: shaitan perosak manusia). Ingatlah perkataan Prof Purbocoroko: rosak kahwin binasalah dunia!

Bagi OMK (Orang Melayu Kini) tempoh pertunangan itu seakan-akan tidak lagi perlu dilalui kerana antara jejaka dan perawan yang bakal menjadi suami isteri itu sudah berkenalan – ada yang semenjak belajar di universiti atau di maktab, malah ada yang semenjak di sekolah menengah.

Dengan perkenalan itu masing-masing uji-menguji dan sudah tahu isi hati mitra-bojonya; malah, rancangan masa depannya pun sudah diatur bersama, sebelum mereka meminta ibu bapanyanya supaya mengaturkan peminangan rasmi sebagai formaliti – sebagai tanda orang beradat.

□ *mahar (maskahwin)...*

Menurut adat mahar itu ialah hak isteri yang diterima sebagai hadiah kahwin daripada suaminya, sebaik-baik selesai mereka diijab kabulkan. Namun, dalam zaman OMD, oleh sebab gadis pingitan yang terlamar itu rata-rata berumur 13/14 tahun, dan percaya bahawa *syurga terletak di bawah tapak kaki ibu*, maka dilepaskanlah haknya itu dan terpulanglah kepada ibu bapanya menentukan maskahwin dirinya itu.

Akan gadis pingitan yang sampai berumur 15 tahun atau lebih, belum juga terlamar, mereka akan digelar orang “anak dara tua” atau *andartu* – istilah Jymy Asmara¹¹ – dan pasaran jodoh mereka menjadi agak lengang kerana disaingi pingitan dalam lingkungan umur yang bertambah jumlahnya. Maka ibu bapa tidaklah begitu cerewet ketika menentukan maskahwinnya.

Saya tidak panggil mereka itu *andartu* tetapi saya panggil mereka: *andartang* (anakdara yang cukup matang = matang fisik dan matang mindanya). Kematangan fisik dan minda itu haruslah dipastikan kalau sesuatu perkahwinan itu hendakkan kebahagiaan. Demikian pula hak menentukan maskahwin mereka itu harus dikembalikan kepadanya supaya maskahwin itu tidak akan disalah konsep lalu disalahgunakan.

Bagaimanapun, kecuali segelintir ibu bapa yang minat mutu dan derajat manusia, kebanyakan ibu bapa OMD umum menentukan maskahwin anaknya

¹¹ Jymy Asmara (almarhum) ialah nama pena Jaffar bin Haji Mohamad, seorang sasterawan Angkatan 50.

mengikut *mahr-al-mitsli* (maskahwin umum): bagi OMD biasa ialah \$22.50 tunai; manakala OMD asal Jawa lebih lumrah meletakkan nilai maskahwin itu \$2.50 hutang, kerana mereka percaya *maskahwin hutang* itu meliatkan putusny tali perhubungan suami isteri itu.

Menurut kepercayaan mereka: kalau maskahwin sudah dibayar tunai; tiada lagi hutang piutang; maka tali perhubungan suami isteri itu mudah putus apabila ada sebab yang munasabah membolehkan mereka bercerai; tetapi jika maskahwin itu ditentukan hutang, jodoh tidak mudah diputuskan – terhalang oleh hutang maskahwin yang belum diselesaikan. Wallahu a'lam...

Dalam masa hendak menyelesaikan hutang maskahwin itu, mungkin syaitan yang menunggangi tengkuk suami isteri sudah berundur, *darah tinggi* suami isteri mula mengendur; hati mereka menjadi sejuk mahu bertolak ansur, bermaaf-maafan dan tidak jadi bercerai, bak kata pantun:

*Patah hati langsung merajuk,
Merajuk sampai ke hutan belukar;
Hati nan panas menjadi sejuk,
Kembali burung pulang ke sangkar!*

□ *duit sirih/duit jajan bulanan...*

Ketika melakar *perjanjian lisan*, kadang-kadang ibu bapa sang perawan berkata kepada ibu bapa si jejaka: "*Ibarat kambing terkandang: apabila diikat atau ditambat orang di luar kandang, biasanya, bertanggunglah atas penambatnya untuk memberi sirih pangannya.*"

Adapun "kambing terkandang" dalam ibarat yang disebutkan tempat semenda itu bukanlah lain daripada perawan pingitan yang terpinang untuk jejaknya itu. Memang sudah teradat pula jejaka peminang itu menyumbang sedikit wang yang disebut *duit sirih* atau *duit jajan* kepada tunangnya tiap bulan.

Bak kata: *ikan terkilat di air sudah ketahuan jantan betinanya*, maka perkataan pihak perawan itu pun disambut ibu bapa jejaka dengan janji: "*Insyah Allah, rezekinya ada. Tertanjur tangan sudah mencencang pasti bahu sanggup memikul, bak kata karmina:*

*kembang jarak kembang jagung;
ringan berat wajiblah ditanggung!*"

Sebenarnya, kata "*duit sirih*" atau "*duit jajan*" itu hanyalah memanis-manis basa-basi semata-mata; jumlah wang berian itu tidaklah seberapa – ada orang memberi \$3.00 (tiga ringgit) sebulan, ada juga yang memberi \$5.00 (lima ringgit). Dan, duit jajan itu hanyalah dijadikan sebab sahaja untuk membolehkan calon suami itu menjumpai tunangnya sekali dalam sebulan.

Ada dua tujuan kedua pihak membiarkan pertemuan dua manusia yang sedang bertunang itu berjumpa sekali tiap bulan:

- pertama: memberi peluang kededuanya berkenalan dan menanamkan bibit persefahaman antara mereka supaya sekurang-kurangnya mereka saling mempelajari hati budi masing-masing;
- kedua: memberi peluang mereka belajar bertanggung jawab tentang nafkah oleh suami dan khidmat (service) oleh isteri sambil belajar memahami dan mengamalkan rasa setia suami kepada isterinya dan rasa taat isteri kepada suami, apabila mereka jadi suami isteri kelak.

Namun, walaupun pertemuan itu dilakukan di tempat semenda, tidaklah seyogianya mereka bertemu “*empat mata*” sahaja. Pertemuan mereka, biasanya, ditemani oleh ibu atau mahram si perawan.

Sekarang: duit sirih, duit jajan dan pertemuan bulanan demikian itu tidak berlaku lagi. Pergaulan luas dan bebas antara muda mudi telah mengubah sistem dan mengalihkan jurus perjalanan hayat mereka.

Jejaka kini tidak lagi dikehendaki menyumbang duit jajan kepada tunangnya pada tiap bulan; tetapi mereka, dengan sukarela, telah menjajani kekasihnya tiap minggu, lebih daripada yang diadatkan OMD, bak kata karmina:

***sambal cuka cili padi;
hati suka semua jadi.***

□ ***pakaian tunang untuk hari raya...***

Beragama Islam, orang Melayu menyambut dua hari raya setahun – Hari Raya Idulfitri (hari raya puasa) dan Hari Raya Iduladha (hari raya haji). Oleh sebab sandang pangan merupakan penafkahan yang paling asas oleh suami akan isterinya, maka selain duit jajan, jejaka diadatkan juga supaya memberi persalinan (pakaian) – untuk pakaian hari raya – kepada tunangnya dua kali setahun.

Kecuali selindang dan selipar, jejaka Melayu tidak pernah membelikan tunangnya pakaian yang sudah siap terjual di kedai. Mentelah pula orang Melayu masih terpengaruh kepada peribahasa yang berkata: ***mengukur baju di badan sendiri***. Maka biasanya, jejaka memberi tunangnya lima ela kain bahan untuk dibuatnya sedondong baju kurungnya. Sehelai selindang (tudung) dan sepasang selipar dibelikan juga untuk tunangnya, menjelang kedua-dua hari raya itu.

Biasa juga, jejaka hendak melihat kehalusan kerja seni tunangnya.

Di samping memberi bahan pakaian hari raya untuk tunangnya, dikirimi pula li ma ela kain lagi supaya tunangnya membuatkan dia baju kurung lelaki untuknya berhari raya.

Jika pemberian duit jajan merupakan penanaman bibit persefahaman antara orang yang bertunang itu, maka perberian pakaian dan menjahitkan

pakaian sang tunang itu merupakan pula pemupukan (pembajaan) untuk menyegarkan bibit persefahaman yang baru mula bertumbuh itu.

□ **wang hantaran (belanja hangus)**

Ada juga orang yang menggantikan perkataan *wang hantaran* itu dengan kata *belanja hangus*. Berbeda dengan mahar (maskahwin) yang menjadi milik pengantin isteri, wang hantaran itu ialah hak ibu bapa pengantin yang akan digunakan untuk membeli alat persiapan pasangan pengantin seperti tempat tidur lengkap dengan meja solek dan almari pakaian serta alat dapur yang asas.

Oleh sebab itu, pada zaman dahulu, ibu bapa si perawan yang meletakkan jumlah wang hantaran itu. Sehingga kira-kira dekad 1950-an, nilai wang hantaran itu ialah antara \$300.00 hingga \$500.00. Waktu itu, orang Melayu yang makan gaji beroleh gaji antara \$20.00 hingga \$50.00 perbulan.

Pada zaman itu, rata-rata ekonomi orang Melayu pada taraf yang disebut orang: **cukup makan** sahaja; berbeda dengan keadaan sekarang, Alhamdulillah, kebanyakan orang Melayu sudah mencapai tarap **mewah pertengahan** – punya rumah, punya kenderaan dan punya alat hiburan mewah. Dan, mereka mampu memberikan wang hantaran antara \$5,000.00 hingga \$10,000.00.

Khabar yang menggembirakan barangkali, ialah, pada masa ini ibu bapa perawan tidak meletakkan permintaannya; diserahkan kepada pihak jejak sendiri menimbang dan menawarkan wang hantaran itu.

Memang, di zaman bila pun, ada orang yang bersikap: **tidak mengapa jatuh terjerembab asakan misai tak kena tanah**. Orang begini kadang-kadang melakukan sesuatu yang di bawah kemampuannya. Bagaimanapun, dia tak boleh menyalahkan pihak yang menerima kerana pemberian itu dibuat dengan sukarelanya sendiri – tidak ada tekanan dari pihak sana!

□ **helah lelaki luncur...**

Helah ialah *muslihat*; sebab atau alasan yang diada-adakan untuk seseorang berlepas diri dari sesuatu keadaan atau ikatan persetujuan atau yang sebagainya. Helah merupakan juga alasan untuk menolak tawaran yang tidak digemari. Dalam hal perjanjian bagi orang bertunang ini, *helah* itu disebut pula *ingkar*, iaitu *tidak setia kepada janji*.

Oleh sebab persemendaan Melayu zaman dahulu merupakan masalah keluarga; masalah ibu bapa – bukan masalah peribadi seperti anggapan sesetengah anak muda kita sekarang – maka pertunangan yang diatitkan kedua pihak ibu bapa itu belum tentu menjamin atau memastikan bahawa yang bertunang itu mesti akan sampai ke janjang berumah tangga.

Dalam masa bertunang itu mungkin berlaku sesuatu yang tidak menyenangkan mana-mana pihak; sehingga boleh menyebabkan pertunangan

itu terhenti di tengah jalan, bak kata: *harapkan panas hingga ke petang, kiranya hujan di tengah hari.*

Memang, tujuan kedua pihak ibu bapa itu sungguh-sungguh hendak meneruskan rancangannya, namun, bukan tidak pernah ada olah anak-anak mereka kadangkala boleh menggendalakan rancangan murni ibu bapanya.

Yang demikian, dalam perjanjian antara kedua pihak ibu bapa itu dimaktubkan juga frasa: *helah lelaki luncur; helah perempuan ganda.*

Maksud frasa itu ialah jika pihak lelaki yang memungkiri perjanjian itu, yakni pihak lelaki yang memutuskan pertunangan itu, maka segala hadiah pemberian yang telah diberikan kepada pihak perempuan dianggap hangus. Pihak lelaki tidak boleh menuntut apa-apa pampasan atau ganti rugi. Tetapi jika sebaliknya, iaitu pihak perempuan yang berhelah atau memungkiri janjinya maka wajiblah pihak perempuan memulangkan pemberian itu senilai sekali ganda – tiap satu berian dipulangkan dua.

OMK (orang Melayu kini) telah menghapuskan frasa itu dari perjanjian tersebut kerana banyak orang menganggap frasa itu merupakan ancaman kepada pihak perempuan; dan mempunyai unsur jual beli. Lagi pun orang sekarang bertunang setelah mereka cukup kenal mengenali maka mereka berasa syarat itu tidak perlu. Jika kebetulan mereka tidak dapat meneruskan pertunangannya, mereka anggap isu itu sebagai Takdir Tuhan (tidak ada sesiapa yang dapat menahan Takdir) yang tidak harus disesal-sesali.

Bagaimanapun, sepanjang pengalaman saya, pernah saya terjumpa dua kes orang yang mengabaikan frasa tadi telah berputus tunang dengan tindak tanduk yang melucukan.

Kes pertama: seorang jejaka bertunang dengan seorang gadis, pilihan ibu bapa dan neneknya dengan persetujuannya juga. Kebetulan kededua bapa mereka (jejaka dan gadis) itu orang kampung (lahir di Melaka mastautin di Singapura). Zaman kekanaknya kededua bapa tadi mengaji dengan guru yang sama. Ketika dewasa bapa jejaka bersemenda dengan gadis Singapura; tetapi bapa sang gadis bernikah dengan perawan di kampungnya.

Gadis itu ada kakak yang belum terpinang.

Waktu pertunangan sudah *expire*¹²; perkahwinan sang adik ditangguhkan dua kali, kakak-kakaknya belum juga dipinang orang. Akhimya, pihak perempuan telah memutuskan pertunangan itu.

Oleh sebab tidak ada frasa tentang "*helah*" disebutkan dalam perjanjian pertunangannya, maka tidaklah ada tuntutan-menuntut hak janji. Malah, upacara pembatalan rasmi pun tidak dilakukan.

¹² *expire* ialah *tempohnya telah berakhir; tamat; selesai; luput.*

Dalam pada itu ibu bapa si jejaka telah pergi menunaikan haji ke Mekah. Pulang dari Mekah, Pak Haji baru itu membuka peti suratnya. Dalam himpunan surat-suratnya itu Pak Haji menemui sebentuk cincin (cincin tanda anak jejakanya kepada bakal menantunya) terbungkus dalam sehelai kertas tissue.

Dengan itu, Pak Haji faham bahawa pertunangan anaknya dengan gadis itu telah diputuskan pihak tempat semenda. Sebagai Muslim yang baru pulang dari tanah suci, Pak Haji baru itu menganggap peristiwa tersebut merupakan suatu takdir yang mungkin mengandungi hikmat yang tersembunyi – Allah sahaja yang Maha Mengetahui!

Menyembunyikan rasa kesalnya kerana tindakan biadat¹³ bekas calon besannya itu, Pak Haji baru bermuafakat dengan adik beradiknya lalu meminang gadis lain untuk anak jejakanya. Dan sekarang, jejakanya itu telah beristeri. Kebetulan besan barunya itu pun teman mengajinya di kampung pada zaman kekanakanya.

Kes kedua: seorang gadis modern bertunang dengan jejaka modern mengikut cara modern. Mereka tidak memeterai perjanjian seperti OMD. Mereka hanya berpegang kepada kekata hikmat “*sama-sama understanding*” sahaja; mereka belakangkan peribahasa nenek moyang yang berkata: *kerbau dipegang ekomya; manusia dipegang lidahnya*.

Dalam tempoh bertunang, menurut keadaan modern, mereka sentiasa ucap mengucapi *I love U; I love U too* berulang-ulang kali. [menurut promoter keluarga bahagia: dengan mengucapkan *I love U* berulang-ulang, kasih sayang suami isteri dan anak beranak akan menjadi mesra dan teguh]¹⁴. Wallahu a’lam.

Selain itu, masing-masing selalu hadiah menghadaikan barang berharga sebagai *hadiah harijadi; hadiah hariraya; hadiah valentine* dan sebagainya.

Belum habis waktu bertunang, jejakanya itu telah meninggalkan tunangnya kerana dia bertemu dengan wanita lain yang lebih hebat! Tunang jejakanya itu berontak menyerang dan menyeranah jejakanya itu sambil menuntut supaya jejakanya itu membayar balik kepadanya semua harga jam tangan, kasut, tali pinggang dan pakaian yang telah dihadaikan kepadanya, sempena hari-hari yang tersebut tadi.

Apabila kes itu dikemukakan kepada saya, saya tanyai sama ada jejakanya itu pun ada menghadaikan apa-apa kepadanya sempena hari raya, jari jadi dan yang sebagainya.

Jawabnya: ada.

¹³ biadat ialah *tanpa adat; percemaran adat; tidak berbudi bahasa;*

¹⁴ Hal demikian merupakan satu daripada pengaruh budaya sekular mencontohi cara hidup orang Barat.

Oleh sebab mereka saling memberi dan menerima dengan rasa kasih sayang, dengan tulus ikhlas dan sukarela, maka tidaklah ada hukum tuntutan menuntut atas hadiah-hadiah yang telah mereka beri dan terima itu. Yang ada hukumnya ialah:

***Hutang berturut cagar bergadai;
Siapa berhutang siapa membayar...***

Adapun memberi dan menerima yang dilakukan dengan sukarela ibarat ***gayung bersambut kata berjawab*** itu sudah selesai masalahnya: yang hutang sudah berbayar; yang pinjam sudah dipulangkan. Yang berpindah hak milik sudah sah menjadi punya penerimanya.

Masing-masing sama-sama untung dan sama-sama rugi. Akan akibat yang ditanggung mereka itu sesuai dengan perumpamaan:

***topi pesuk tegal dek lonjak;
ketiak rabbit tegal dek lenggang.***

tarik "memancang"...

Memancang ialah "mengikat pertunangan".

Telah diadatkan orang: ikatan pertunangan itu ditandai dengan sebetuk cincin emas *belah rotan*; dilapik dengan wang lambang jumlah hantaran (tiap \$1/- dilambangkan dengan satu sen). Jika wang hantarannya sebesar \$100.00, wang lambangnya 100 sen (\$1.00); jika hantarannya sebesar \$10,000.00 maka wang lambangnya ialah 10,000 sen (\$100.00).

Kenapa cincin emas; belah rotan?

Bagi OMD, *emas* – logam yang termahal nilainya – itu adalah lambang kemakmuran atau kekuatan (kemampuan) ekonomi seseorang. Maka *cincin emas* yang jadi tanda tunang anaknya itu meyakinkan ibu bapa perawan bahawa menantunya itu kelak akan mampu menafkahi anaknya dengan sempurna.

Perlambangan itu dapat kita lihat di dalam pepatah dan bidalan seperti:

- kalau tiada emas dipinggang; jangan tangan hendak berlenggang;*
- hutang darah dibayar darah; hutang malu emas padahnya;*
- puas sudah bertanam budi; emas juga dipandang orang.*
- hilang sepuh tampak senam; baru ketahuan emas tak baik...*

dan lain-lain yang sebagainya.

Adapun *cincin* itu merupakan lambang ikatan yang paling kemas dan manis terpendang lagi terhormat. Tempat memakainya pun di *jari manis* tangan kanan. Dipakainya di tangan kanan sebagai menjunjung dan menghormati pemberian sang tunang.

Berbeda dengan *cincin tunang*, iaitu cincin yang dibeli sendiri atau yang diperolehi dari sumber-sumber lain boleh dipakai di jari jemari tangan kiri.

Ada pula pantun bidal leluhur yang berkata:
*kukuh rumah dek sendi,
rosak sendi rumah binasa;
kukuh ummah¹⁵ dek budi,
rosak budi ummah binasa.*

Dan, bentuk *belah rotan* itu melambangkan ikatan yang paling kukuh. Pada zaman sebelum ada paku, OMD mengukuhkan sendi-sendi rumahnya dengan tanggam dan ikatan rotan.

Ada bidal yang berkata: *tiada rotan, akar berguna.*

Dengan bidal itu tahulah orang bahawa sebagai pengikat, mutu rotan lebih tinggi daripada mutu akar. Maka *cincin emas belah rotan* telah diadatkan leluhur menjadi tanda perikatan orang bertunang kerana nilai lambang-lambang tersebut!

Pihak yang "*menghantar*" tanda, biasanya, menyediakan benda-benda dan barang-barang yang diperlukan. Kedua pihak harus pula menyediakan wakil atau jurucakap yang akan membentang/mengesahkan perjanjian mereka di depan khalayak yang menyaksikan pertunangan itu.

Selain *cincin emas belah rotan* dan *wang lapik lambang hantaran*, biasanya, pihak lelaki mengiringkan cincin tandanya itu dengan lima ela kain bahan untuk dibuat baju yang dilipat *empat-puluh-empat* (sekarang kain itu digubah berbentuk angsa atau itik atau sebagainya), sehelai selindang dan sepasang kasut.

Kadang-kadang ada juga remeh-temeh yang diikutkan dalam upacara itu.

Menyampaikan lambang ikatan pertunangan itu dilaksanakan dalam suatu upacara beradat yang disebut *adat menghantar tanda* bagi pihak pelamar, dan disebut pula *adat menerima tanda* bagi pihak yang terlar. Upacara itu selalu dilaksanakan dalam majlis ria dan kesyukuran; dimulakan dengan upacara serah dan terima dan diakhiri dengan doa selamat dan kenduri.

Maka itu tarikh bagi mengadakan upacara itu dirundingkan juga ketika melakar perjanjian itu. Tarikh tersebut bukan ditentukan dengan semata-mata menimbangkan kesempatan mereka yang diperlukan sahaja; bahkan hari dan saat yang baik untuk mengadakan upacara itu pun dibincangkan juga.

Dahulu, orang mengadakan upacara menghantar tanda itu pada malam Jumaat kerana mengambil berkat malam Jumaat yang mulia itu. Namun sekarang, banyak orang mengadakan majlis menerima tanda itu pada Sabtu petang kerana kebanyakan mereka yang diperlukan bekerja setengah hari pada hari Sabtu.

¹⁵ ummah (umat) ialah *pengikut; masyarakat; rakyat*.

Hendak pun diadakan pada hari Ahad kerana hari itu ialah hari kelepasan am, tetapi banyak pula orang mengadakan majlis walimatul-urus; mengadakan mesyuarat dan kegiatan-kegiatan sosial pada hari Ahad; bimbang pula mereka kalau-kalau tidak akan memperoleh orang yang mereka diperlukan. Maka itulah, pada masa ini banyak orang mengadakan majlis itu pada hari Sabtu petang.

Frasa *menghantar (memberi)* dan *menerima* yang terpakai dalam adat itu, tidaklah membawa maksud *bertukar-tukar*. Jadi, dalam adat *menghantar tanda* itu hanya pihak lelaki yang memberi; sedangkan pihak perempuan hanya menerima sahaja.

Berbeda dengan keadaan zaman kini, zaman yang dikenal sebagai zaman kebendaan, yakni, zaman *materialistic* mengatasi *symbollic*: upacara *menghantar/menerima tanda* itu pun sudah berubah menjadi *upacara bertukar-tukar cincin* yang diiringi dengan berdulang-dulang hadiah pakaian; kuih-muih dan buah-buahan – seberapa banyak hadiah yang diberikan lelaki kepada perempuan, demikian pulalah balasan dari pihak perempuan.

Oleh sebab frasa memberi/menerima sudah berubah menjadi *bertukar-tukar* maka tidaklah ada rasionalnya lagi perjanjian *helah lelaki luncur; kelah perempuan bergada* itu diterapkan dalam perjanjian pertunangan itu.

Dalam zaman menghantar/menerima tanda:

Kalaupun ada pihak perempuan hendak “memberi” sebagai tanda syukur kerana majlisnya telah selamat dilaksanakan, biasanya, mereka bekali tetamu dan tamunya dari pihak lelaki sebungkus “*berkat*” yang berisi nasi pulut berginca¹⁶ inti atau pulut kunyit yang berlaukkan kari daging/ayam; berulam mentimun dan berhias telur beriris.

Berkat itu membawa maksud yang sama dengan maksud *bunga telur* yang diberikan kepada tetamu yang menghadiri majlis walimatul-urus (kenduri pengantin).

□ *tambahan isi perjanjian...*

Selain tujuh perkara yang biasanya menjadi kandungan perjanjian yang dipersetujui kededua pihak, ada beberapa tambahan lagi jika kebetulan ada isu-isu khas timbul dalam kes-kes tertentu – tidak mengenai rata-rata orang yang bertunang, misalnya:

□ *jika ada kes melangkah bendul...*

Kes ini berlaku jika gadis pingitan yang terlamar itu ada kakak atau kakak-kakak yang belum bersuami atau belum terpinang. Kakak atau kakak-kakak yang terlangkau pelamar itu dibicarakan orang sebagai “bendul”.

¹⁶ ginca ialah *campur; baur*; berginca inti ialah *bercampur inti*. Isi (inti) pulut inti ialah *kelapa parut yang dimasak dengan gula melaka*.

Adat yang biasa dilakukan OMD bagi *melangkah bendul* itu ialah: calon suami (pelamar) dikenakan “dam” dengan mempersalini (sedondong pakaian lengkap dengan tudung kepala dan alas kaki) tiap “bendul” yang dilangkahi pelamar.

Bagaimanapun, *melangkah bendul* itu hanya akan dilaksanakan jika ada permohonan atau rayuan pihak perawan; dan dimasukkan sebagai perkara tambahan dalam perjanjian yang mereka setujui.

Upacara menunaikan “dam” melangkah bendul itu, biasanya, dilaksanakan menjelang istiadat persandingan suami isteri baru itu.

Disaksikan para undangan dan pengiring mempelai,

Sang “bendul” akan dipakaikan pakaian yang bagus dan diberdirikan di pangkal tangga ketika mempelai tiba di rumah isterinya. Selepas disilati dengan *silat selamat datang*, mempelai dibawa ke tempat “bendul” berdiri. Di pangkal tangga itu mempelai dibimbing membasuhkan kaki sang “bendul” yang berdiri beralaskan dulang tembaga.

Selesai upacara membasuh kaki maka disampaikanlah oleh mempelai persalinan bendul itu kepada kakak iparnya yang kemudian memimpinnya ke pelamin lalu dipersandingkannya mempelai dengan isterinya yang telah sedia menunggu di pelamin. Hal demikian itu melambangkan keikhlasan sang kakak mengizinkan adiknya belayar mendahuluinya.

Akan hal penontonan upacara membasuh kaki bendul tadi, khabarnya, merupakan suatu usaha yang simbolik untuk “*membuka hati*” atau *menyemai bibit “ingin menyunting”*, kalau-kalau ada kekumbang jati yang berterbangan dan menyaksikan upacara tersebut di situ: mudah-mudahan akan ada yang sudi, menyunting kumbang yang sedang mekar itu.

Lain halnya, pada zaman kini yang disebut juga zaman kebendaan, walaupun ada orang yang hendak melakukan adat melangkah bendul itu, mereka tidak lagi peduli akan nilai-nilai yang simbolik yang diamalkan orang-orang lama.

Nilai ekonomi telah dimahkotakan orang sekarang sebagai maharaja yang paling utama lagi berkuasa. Maka nilai upacara dan simbolik yang diamalkan orang dulu-dulu telah digantikan dengan nilai wang. Orang sekarang membayar “dam” langkah bendul itu dengan harga \$50.00 atau \$100.00 per bendul. Dan, biasa pula, “dam” itu diserahkan orang bersama-sama *wang hantaran* dalam majlis akad nikah.

Tidak ada “dam jantan”.

“Dam” langkah bendul itu hanya dihadiahkan kepada kakak-kakak pengantin sahaja; tidak berlaku kepada abang-abang pengantin.

Abang-abang itu orang lelaki.

Orang lelaki ialah mereka yang melangkahi bendul (jika ada); mereka bukan yang dilangkahi. Jadi bukan hak mereka untuk menerima “dam” tersebut. Malah, jika kebetulan tunangnya berkakak yang masih belum bersuami, abang itu harus membayar “dam”nya, kalau dalam perjanjian tunangnya ada klausa tersebut itu ditambahkan.

□ *kalau ada kes kundangan...*

“kundangan” berasal dari kata *keundangan*, yakni *terpanggil* atau *terseru*. Kes *kundangan* ini baiasa berlaku dalam kalangan OMD asal Jawa. *Kundangan* itu disebut juga *timbang-timbangan* kerana pengucapannya dilafazkan dalam masa nenek meniming. Dalam istilah persemendaan ini, *kundangan*: membawa maksud *permintaan*.

Waktu perawan itu masih bayi, ia selalu ditimbang dan didendangkan nyai (nenek)nya. Dalam dendangan itu *dikundanglah* oleh Sang Nenek: “*esok-esok, apabila cucuku ini sudah jadi perawan; dan ada jejaka yang datang memiming; kuundanglah: biar si tunang memberinya sepasang gelang emas bermata intan; akan jadi perhiasan dan penguat ikatan; biar jodohnya kekal berlanjutan...*”

Banyak lagi pinta nenek yang bermacam-macam; dan permintaan itu diulang-ulang tiap kali dia meniming cucunya itu. *Kundangan* itu lekat pula dalam ingatan sehingga menjadi suatu kepercayaan: jika *kundangan* itu tidak disempumakan, akibatnya akan menjejaskan kehidupan keluarga cucunya itu kelak.

Ada juga orang yang menganggap *kundangan* itu sebagai nazar; maka beratlah jadinya, kerana menunaikan nazar itu wajib hukumnya; padahal benda-benda yang *dikundang* itu bukanlah perkara yang “tak boleh tidak”.

Jika ada *kundangan* nenek atau ibunya yang demikian itu, maka tuntutan *kundangan* itu akan dimasukkan sebagai klausa tambahan dalam perjanjian. Jika pihak pelamar hendak meneruskan lamarannya maka tidak ada pilihan, selain mengadakan *kundangan* tersebut. Jika pihak jejaka berasa keberatan memenuhi kehendak *kundangan* itu, maka terpaksalah dia berundur dengan teratur.